

PM perlu terus jadi Menteri Kewangan

13 Mei 2002

Oleh A&J HAKIM TANZIMUDDIN

KUALA LUMPUR 2 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad perlu terus menjadi Menteri Kewangan kerana beliau berjaya menarik keyakinan pelabur dengan ketara.

Pengerusi Persatuan Syarikat-Syarikat Senaraian Awam, Datuk Megat Najmudin Khas ber-

kata, pengkalan Dr. Mahathir sebagai Menteri Kewangan dilihat sebagai sesuatu yang positif baik bagi pelabur asing atau tempatan.

“Pelantikan Menteri Kewangan baru hanya boleh dihuat sehinggalah seorang yang benar-benar layak dan diyakini kemampuan telah diperolehi,” tegas beliau.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr.

Mahathir bahawa beliau memerlukan seorang Menteri Kewangan atau sekurang-kurangnya Menteri Kewangan Kedua untuk membantunya menguruskan ekonomi negara.

Beliau yang mengambil alih jawatan Menteri Kewangan daripada Tun Daim Zainuddin 1 Jun lalu berkata, tugas yang disandangnya itu amat berat dan ia

umpama ‘satu beban yang besar’ kerana terpaksa memikul tanggungjawab sebagai Perdana Menteri.

Megat Najmudin yang dihubungi berkata, jawatan itu sememangnya membebaskan Perdana Menteri tetapi dalam suasana sekarang, beliau diperlukan untuk terus memegang jawatan itu.

■ Lihat muka 4

PM perlu kekal jadi Menteri Kewangan

“Sepanjang Perdana Menteri menjadi Menteri Kewangan kita lihat wujud kestabilan dalam FDI (Pelaburan Langsung Asing) begitu juga persepsi para pelabur terhadap pengurusan kewangan negara yang dilihat telus,” katanya.

Beliau berkata, pandangan positif pelabur itu perlu dikekalkan lebih-lebih lagi dalam suasana ketidaktentuan ekonomi dunia sekarang demi untuk mencapai yang terbaik bagi ekonomi negara.

Pada masa yang sama, Megat Najmudin tidak menolak kemungkinan terdapat masalah politik dan bukannya kelayakan bagi melantik orang lain dalam jawatan Menteri Kewangan.

“Perdana Menteri mungkin menghadapi kesukaran mencari calon yang layak dan memuaskan hati semua pihak,” katanya sambil menambah calon berkenaan juga perlu diterima positif oleh para pelabur.

Menurutnya, jawatan Menteri

Kewangan mempunyai kaitan rapat dengan hala tuju ekonomi negara dan dengan itu, pelantikannya perlu dibuat secara berhati-hati.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pelabur-Pelabur Malaysia, Dr. PHS Lim berkata, Perdana Menteri telah melaksanakan tugas yang baik sebagai Menteri Kewangan, khususnya dalam meningkatkan keyakinan terhadap dasar-dasar kewangan negara.

Antarabangsa

Katanya, keyakinan rakyat, ahli perniagaan dan masyarakat antarabangsa terhadap beliau yang mengambil alih jawatan itu selepas bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin meletak jawatan, tidak boleh dipertikaikan.

Bagaimanapun, beliau berpendapat, jika sudah sampai masanya Perdana Menteri mahu melantik seorang Menteri Kewangan yang baru atau Menteri Kewangan Kedua, beliau perlulah berhati-hati.

“Malaysia mempunyai banyak individu yang layak tetapi orang yang bakal dilantik itu haruslah berupaya menarik keyakinan para pelabur dalam dan luar negara,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Amin Al-Jeffri berkata, sebagai pemimpin utama negara, Perdana Menteri lebih faham tentang keperluan melantik seorang Menteri Kewangan.

Menurutnya, sebagai ahli korporat, beliau berpendapat Perdana Menteri telah menjalankan tugas sebagai Menteri Kewangan dengan cekap.

“Tetapi kita tiada masalah sekiranya Perdana Menteri melantik seorang Menteri Kewangan kerana sebagai pemimpin utama negara beliau lebih memahami keperluan,” katanya.